



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-29/4/97 Jld.2 (75)
Tarikh : 23 Disember 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan,

**PENAMBAHBAIKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
PENDISPENSAN METHADONE DI KLINIK KESIHATAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat KKM.600-29/4/97 Jld.2 (74) bertarikh 12 Disember 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat semakan dan penelitian semula ke atas perkhidmatan pendispensan methadone susulan daripada pemantauan lapangan yang dilaksanakan dan juga permohonan Majlis AIDS Malaysia (MAM) untuk memanjangkan masa pendispensan methadone di klinik kesihatan (KK) dan memberikan kelonggaran dos bawa balik untuk pesakit / klien yang mempunyai pekerjaan.

3. Hasil semakan dan penelitian tersebut, tatacara pendispensan methadone dan penambahbaikan berikut telah dikenalpasti bagi mempermudah lagi penyampaian perkhidmatan pendispensan methadone di fasiliti / klinik kesihatan;

3.1 Tempoh masa pendispensan methadone adalah pada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang pada setiap hari bekerja sebagai mana yang digariskan pada Perkara 11.0 Tatacara Pendispensan Rawatan Methadone (muka surat 35) di dalam buku Polisi dan Prosedur Operasi Piawai Program Rawatan Methadone Edisi Kedua 2016.

- 3.2 Fasiliti atau KK masih boleh menetapkan masa pendispensan methadone untuk tempoh masa tertentu berdasarkan kesesuaian dan keperluan fasiliti / KK bagi memudahkan klien methadone mendapatkan dos methadone tanpa menunggu lebih lama bersama dengan pesakit yang lain.

Namun dalam keadaan di mana klien methadone tidak dapat hadir dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, klien methadone masih boleh mendapatkan dos harian secara *Direct Observe Therapy (DOT)* di kaunter unit farmasi KK berkenaan atau lokasi yang ditetapkan oleh pihak KK. Klien methadone berkenaan bagaimanapun perlu menunggu giliran mendapatkan dos methadone sepertimana pesakit lain yang menunggu untuk mendapatkan bekalan ubat dari perkhidmatan farmasi pada hari tersebut.

Fasiliti atau KK berkenaan hendaklah memastikan maklumat mengenai waktu dan tempat pendispensan diwar-warkan kepada klien methadone dan / atau dipaparkan dengan jelas di fasiliti / KK berkenaan.

- 3.3 Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (Value Added Service, VAS) Methadone juga ditawarkan kepada pesakit. Perkhidmatan ini adalah;

- i) Perkhidmatan Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB)

Bagi pesakit yang memerlukan bekalan methadone lebih dari seminggu di mana pesakit boleh memilih untuk mendapatkan bekalan di Klinik Kesihatan berdekatan tempat tinggal atau tempat kerja. Pihak farmasi akan menghantar bekalan methadone ke Klinik Kesihatan yang dirujuk / dipilih oleh pesakit.

- ii) Perkhidmatan MFlex

Perkhidmatan ini disediakan bagi pesakit yang memerlukan bekalan methadone kurang dari seminggu, untuk memastikan pesakit tidak terputus bekalan jika bekerja di luar daerah dan masih tidak layak mendapatkan Dos Bawa Balik (DBB).

- 3.4 Fasiliti / KK terutamanya yang akan memulakan perkhidmatan rawatan methadone digalakkan dan disarankan untuk melaksanakan pendispensan methadone secara bersepadu di kaunter unit farmasi sedia ada atau lokasi berdekatan kaunter farmasi berkenaan.
- 3.5 Pemberian dos bawa balik (DBB) secara amnya diberikan kepada pesakit / klien yang telah stabil. Dos bawa balik diberikan untuk 2 atau 3 hari atau boleh melebihi 3 hari jika mempunyai justifikasi yang kukuh. Kelonggaran dos bawa balik untuk pesakit / klien yang mempunyai pekerjaan boleh dipertimbangkan dengan syarat pesakit / klien adalah pesakit / klien stabil dan mempunyai justifikasi kukuh. Kriteria DBB masih merujuk kepada Polisi & Prosedur Operasi Piawai, Edisi Kedua 2016.
- 3.6 Fasiliti / KK hendaklah memastikan pesakit / klien methadone memahami dan mengambil maklum mengenai perkara di atas.

4. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta bermula pada tarikh surat ini dikeluarkan. YBhg Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memastikan penambahbaikan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung terus dengan Dr Fazidah Binti Yuswan, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor HIV/STI/Hepatitis C di 03 88834270 / dr.fazidah@moh.gov.my.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan ke atas perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit YB Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit HIV / STI / Hepatitis C
Jabatan Kesihatan Negeri

Pengarah Eksekutif
Majlis AIDS Malaysia

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah,
05400 Alor Setar,
Kedah Darul Aman,

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 & 37, KOMTAR
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Business City, Bandar MITC,
75450 Ayer Keroh, Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10 & 11, Wisma Sunwaymas
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan
Selangor Darul Ehsan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah, 70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek, 80590 Johor Darul Takzim

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota,
25582 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 Kota Baharu, Kelantan Darul Naim

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail 20920 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Tun Abang Haji Openg
93590 Kuching, Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh, 88590 Kota Kinabalu , Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Labuan
Peti surat 80832,
87018 Wilayah Persekutuan Labuan.